Hafizi Roslee lwn Persatuan Bolasepak Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 24NCvC-282–02 TAHUN 2014
ROSILAH YOP PK
18 JUN 2014

Persatuan Yang Tidak Diperbadankan — Ahli — Remedi — Penghausan remedi domestik — Permohonan untuk deklarasi bahawa proses tatacara Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia tidak berperlembagaan — Sama ada pemohon mesti terlebih dahulu menghauskan remedi domestik di bawah Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia dan Statut Persatuan Bolasepak Malaysia — Sama ada larangan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah tidak sah atau bertentangan dengan polisi awam — Sama ada mahkamah akan campur tangan dalam urusan dalaman persatuan

Prosedur Sivil — Deklarasi — Permohonan untuk — Penghausan remedi domestik — Permohonan untuk deklarasi bahawa proses tatacara Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia tidak berperlembagaan — Sama ada pemohon mesti terlebih dahulu menghauskan remedi domestik di bawah Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia dan Statut Persatuan Bolasepak Malaysia — Sama ada larangan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah tidak sah atau bertentangan dengan polisi awam

Plaintif telah memasuki satu Kontrak Permainan Bolasepak Tempatan dengan defendan kedua. Plaintif adalah pemain bolasepak untuk defendan kedua. Plaintif telah pada 20 Disember 2013 dikenakan hukuman penggantungan seumur hidup daripada menyertai semua aktiviti bolasepak mengikut perkara 56.2 (iv) Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia (Edisi 2012) ('Kod tersebut'). Plaintif tidak berpuas hati dengan proses tatacara Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia ('Jawatankuasa tersebut') sepanjang pendengaran atau inquiri dijalankan. Maka, plaintif telah melalui saman pemulanya memohon untuk perintah-perintah berikut: (a) tatacara dan prosedur/prosiding tatatertib, hukuman dan rayuan tidak mematuhi keadilan asasi serta tidak berperlembagaan; (b) tatatertib perbicaraan tanpa kehadiran plaintif tidak mematuhi statut Persatuan Bolasepak Malaysia ('statut tersebut') dan Kod tersebut adalah tidak sah dan harus dibatalkan; dan (c) deklarasi bahawa perkara 25.9 Kod tersebut dan artikel 68, Statut tersebut adalah tidak berperlembagaan dan bertentangan dengan keadilan asasi polisi awam. Defendan-defendan telah memohon menurut A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KM') untuk kebenaran supaya, antara lain, soalan berikut diputuskan oleh mahkamah: Sama ada plaintif mempunyai hak untuk

membawa apa-apa pertikaiannya ke mahkamah biasa seperti termaktub dalam artikel 68 — Bidang kuasa statut tersebut apabila hukuman plaintif adalah seperti dalam Kod tersebut Jadual 1 mengikut peruntukan khas perkara 56.2(iv).

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Plaintif adalah pemain untuk defendan kedua setelah beliau menandatangani kontrak bertarikh 11 Disember 2012 dengan defendan kedua. Dengan itu plaintif telah tertakluk serta terikat dengan terma-terma serta syarat-syarat dalam statut tersebut dan Kod tersebut. Plaintif dengan itu telah bersetuju untuk mematuhi undang-undang dan peraturan persatuan. Perkara 25.9, Kod tersebut tidak membenarkan mana-mana ahli atau pasukan, pegawai atau pemain daripada membuat apa-apa tuntutan ganti rugi atau mengambil tindakan undang-undang di mana-mana mahkamah terhadap defendan pertama (lihat perenggan 13).

(2) Artikel 68, statut tersebut jelas merupakan satu peruntukan nyata dalam prinsip undang-undang biasa bahawa antaranya pemain-pemain bolasepak mesti menggunakan remedi-remedi yang disediakan di bawah statut tersebut atau Peraturan Persatuan sebelum mengambil tindakan ke atas persatuan. Peruntukan artikel 68 tidak menghalang antaranya pemain-pemain persatuan daripada mengambil tindakan mahkamah ke atas defendan-defendan kecuali plaintif telahpun menggunakan semua remedi-remedi yang ditetapkan oleh statut tersebut dan Kod tersebut. Antara remedi-remedi yang diperuntukan di dalam Kod tersebut adalah rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan defendan pertama seperti diperuntukan dalam perkara 96, Kod tersebut (lihat perenggan 15).

(3) Peraturan yang mengecualikan ahli daripada mengambil tindakan mahkamah sebelum merujuk pertikaiannya ke forum domestik adalah satu peraturan yang sah dan tidak bertentangan dengan polisi awam. Adalah merupakan kelaziman bahawa mahkamah tidak akan campur tangan dalam urusan dalaman persatuan (lihat perenggan 19); *Charan Das a/l Sandhu Ram v YM Tunku Abdul Aziz & Ors* [2006] 3 MLJ 419 dirujuk.

(4) Dengan peruntukan artikel 68 Statut tersebut, plaintif telah bersetuju untuk terikat dengan syarat-syarat serta terma-terma di dalam statut tersebut dan Kod tersebut. Maka plaintif perlu menggunakan segala remedi yang diperuntukkan di dalam statut tersebut atau Kod tersebut sebelum membawa pertikaian beliau ke mahkamah. Plaintif belum lagi menggunakan segala remedi yang diperuntukkkan kepada beliau bawah statut tersebut atau Kod tersebut. Jadi, soalan di dalam permohonan defendan-defendan dijawab dalam bentuk 'negatif (lihat perenggan 24 & 26).

[English summary

The plaintiff had entered into a local football match contract with the defendant. The plaintiff was a football player for the second defendant. The plaintiff had, on 20 December 2013 sentenced to a lifetime suspension from taking part in all football activities, under article 56.2 of the Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia (Edisi 2012) ('the Code'). The plaintiff was dissatisfied with the procedure of Disciplinary Committee of Football Association of Malaysia ('the Committee') during the conduct of the trial or inquiry. Hence, the plaintiff, via his originating summon applied for the following orders: (a) the disciplinary procedure/proceedings, sentence and appeal did not comply with fundamental liberties and was unconstitutional; (b) the disciplinary trial without the presence of the plaintiff was not compliant with the statute of Football Association of Malaysia ('the Statute') and the code was erroneous and must be declared void; and (c) declaration that article 25.9 of the Code and article 68 of the statute was unconstitutional and inconsistent with fundamental liberties of the public policy. The defendants applied under O 33 r 2 of the Rules of Court 2012 ('ROC') for leave that, inter alia, the following questions be decided by the court: whether the plaintiff had the right to bring any dispute to a normal court as enshrined in article 68 — the jurisidiction of the statute when the plaintiff's sentence was as stated in Schedule 1 of the Code pursuant to special provisions of article 56.2 (iv).

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs:

(1) The plaintiff was a player for the second defendant after he had signed the contract dated 11 December 2012 with the second defendant. Therefore, the plaintiff was subjected and bound to the terms and conditions in the Statute and Code. The plaintiff, hence, agreed to comply with the laws and regulations of the Association. Article 25.9 of the Code did not allow any members or team, officer or player from making any claim for damages or take any any legal action in any court against the first defendant (see para 13).

(2) Article 68 of the Statute was clearly an express provision in the principle of general law whereby, inter alia, the football players must exhaust the remedies provided under the Satute or the Association's regulations before taking any action against the Association. The provisions of Article 68 did not prohibit its players from taking a court action against the defendants unless the plaintiff had exhausted all the remedies stipulated by the Statutes and the Codes. Among the remedies provided in the Code were the appeal to Appeal Committee of the first defendant as provided under article 96 of the Code (see para 15).

(3) The rule exempting the members from taking a court action before referring a dispute to a domestic forum was a legitimate rule and was not inconsistent with public policy. It was prevalent that the court would not

A interfere with the internal affairs of the Association (see para 19); *Charan Das a/l Sandhu Ram v YM Tunku Abdul Aziz & Ors* [2006] 3 MLJ 429 referred.

(4) With the provision of article 68 of the statute, the plaintiff agreed to be bound by the terms and conditions of the statute and code. Hence, the plaintiff must exhaust all the remedies provided in the statute or code before bringing the dispute to court. The plaintiff had not exhausted all the remedies provided for him under the statute or the ode. Hence, the question in the defendants' application was answered in negative (see para 24 & 26).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 2778–2817.

Kes-kes yang dirujuk

Charan Das a/l Sandhu Ram v YM Tunku Abdul Aziz & Ors [2006] 3 MLJ 416, MT (dirujuk)

Datuk Pasamanickam & Anor v Agnes Joseph R Narayanan Samy v Agnes Joseph [1980] 2 MLJ 92, MP (dirujuk)

M Arulandan v Malaysian Co-Operative Insurance Society Ltd [1987] 1 MLJ 485, MA (dirujuk)

Petroleum Nasional Bhd v Kerajaan Negeri Terengganu [2004] 1 MLJ 8; [2003] 4 CLJ 337, MR (dirujuk)

Thanaraj a/l Manikam & Ors v Lower Perak Tamil Co-Operative Society [1997] 4 MLJ 82, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Timbang Tara 1952
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 33 k 2, A 53

Kevin Rozario (Khairuddin Ngiam & Tan) bagi pihak plaintif.
Richard Bong (William Edwin) (Bong & Co) bagi pihak defendan pertama dan kedua.

Rosilah Yop PK:

KEPUTUSAN

LAMPIRAN 11

[1] Ini adalah permohonan daripada defendan-defendan menurut A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk perintah-perintah berikut:

(a) Bahawa defendan-defendan diberi kebenaran untuk memohon supaya soalan-soalan berikut diputuskan oleh mahkamah yang mulia ini seperti yang diperuntukkan menurut A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(i) sama ada plaintif mempunyai hak untuk membawa apa-apa pertikaiannya ke mahkamah biasa seperti termaktub dalam artikel 68–Bidang kuasa–Statut Persatuan Bolasepak Malaysia apabila hukuman plaintif adalah seperti dalam Kod Tatatertib FAM (Edisi 2012) Jadual 1–hukuman penggantungan seumur hidup dari menyertai semua aktiviti Bolasepak di Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah mengikut peruntukan khas perkara 56.2 (iv) dan denda sebanyak RM20 000 terutamanya kesalahan 12.1 dan RM1000 mengikut kesalahan 1,1 serta merujuk kepada perkara 25.9 Kod Tatatertib FAM Edisi 2012 dan Jadual 1: Kesalahan 26 Kod Tatatertib FAM (Edisi 2012) tersebut?

Sekiranya jawapan para (a) adalah 'YA'

(ii) Sama ada plaintif telah terkhilaf apabila gagal untuk mendaftarkan satu permohonan semakan kehakiman (*judicial review*) A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012/A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980) untuk membatalkan atau apa-apa relief yang berkaitan hal Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia FAM ke-11 bagi sesi 2010–2014 yang telah bersidang pada 20 Disember 2013;

(iii) sama ada saman pemula (KM 01) bertarikh 26 Februari 2014 oleh plaintif untuk suatu perintah deklarasi selepas Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bolasepak Malaysia (FAM) ke-11 bagi sesi 2010–2014 pada 20 Disember 2013 adalah tidak sempurna, salah prosedur, remeh, mengaibkan, penyalahgunaan proses mahkamah dan 'misconceived in law'?;

(iv) apa-apa soalan lain untuk diputuskan dan/atau pindaan-pindaan kepada soalan-soalan yang dicadangkan di atas yang dianggap perlu dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini;

(b) Kos tindakan ini dijadikan kos dalam kausa.

LATAR BELAKANG

[2] Pihak plaintif melalui saman pemulanya telah memohon untuk perintah-perintah seperti berikut:

A (a) tatacara dan prosedur/prosiding tatatertib, hukuman dan rayuan tidak mematuhi keadilan asasi serta tidak berperlembagaan;

(b) tatatertib perbicaraan tanpa kehadiran plaintif tidak mematuhi Statut Persatuan Bolasepak Malaysia dan Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia adalah tidak sah dan harus dibatalkan; dan

B

(c) deklarasi bahawa perkara 25.9 Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia dan artikel 68, Statut Bolasepak Malaysia (FAM) adalah tidak berperlembagaan dan bertentangan dengan keadilan asasi polisi awam.

C

[3] Kedua-dua pihak telah memfailkan hujahan bertulis masing-masing untuk pertimbangan mahkamah.

PENGANALISAAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

D

[4] Saya telah merujuk semua kertas kausa yang difailkan bagi tujuan permohonan ini.

[5] Aturan 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') E menyatakan:

> 2 Mahkamah boleh memerintahkan apa-apa persoalan atau isu yang berbangkit dalam suatu kausa atau perkara, samada mengenai fakta atau undang-undang atau sebahagiannya mengenai fakta dan sebahagiannya mengenai undang-undang, dan samada yang berbangkit melalui pliding atau selainnya, untuk dibicarakan sebelum, semasa, atau selepas perbicaraan kausa atau perkara itu, dan boleh memberikan arahan tentang cara yang persoalan atau isu itu hendaklah dinyatakan.

F

[6] Pada kebiasaannya perintah untuk pendengaran sebelum perbicaraan sesuatu isu undang-undang yang dibangkitkan di dalam pliding hanya akan G dibuat apabila bantahan membangkitkan persoalan undang-undang, jika diputuskan memihak kepada pihak yang membantah akan menyebabkan perbicaraan selanjutnya tidak perlu diadakan.

H **[7]** Skop dan penggunaan A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ini telah dijelaskan oleh mahkamah. Rayuan di dalam kes *Petroleum Nasional Bhd v Kerajaan Negeri Terengganu* [2004] 1 MLJ 8; [2003] 4 CLJ 337. Secara ringkasnya ianya bertujuan untuk mempercepatkan pelupusan sesuatu tindakan di peringkat interlokutori bagi menjimatkan masa dan kos. Apa yang I penting ialah tidak wujudnya sebarang pertikaian fakta material yang memerlukan sesuatu tindakan itu dibicara secara perbicaraan penuh.

[8] Bagi membolehkan mahkamah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan, adalah penting untuk mahkamah pertimbangkan terlebih

dahulu isu sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar saman pemula yang difailkan oleh plaintif. A

[9] Pada 11 Disember 2012 plaintif telah memasuki satu Kontrak Permainan Bolasepak Tempatan dengan defendan kedua. Plaintif adalah pemain bolasepak untuk Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur ('defendan kedua'). B

[10] Pada 20 Disember 2013, plaintif dikenakan hukuman penggantungan seumur hidup daripada menyertai semua aktiviti bolasepak di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah mengikut perkara 56.2 (iv) Kod Tatatertib FAM (Edisi 2012). C

[11] Akibat dari hukuman tersebut, plaintif melalui tindakan ini telah membangkitkan isu mengenai deklarasi, tatacara Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia ('Jawatankuasa Tatatertib FAM'), beban bukti semasa inquiri dan pelanggaran hak asasi kemanusiaan. D

[12] Isu yang dibangkitkan oleh plaintif, adalah tentang tidak berpuas hati beliau mengenai dengan proses tatacara sepanjang pendengaran atau inquiri dijalankan. E

[13] Saya dapati adalah tidak dinafikan bahawa plaintif adalah pemain kepada Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur setelah beliau tandatangani kontrak bertarikh 11 Disember 2012 dengan defendan kedua. Dengan itu plaintif telah tertakluk serta terikat dengan terma-terma serta syarat-syarat dalam Statut Persatuan Bolasepak Malaysia dan Kod Tatatertib FAM (Edisi 2012). Plaintif dengan itu telah bersetuju untuk mematuhi undang-undang dan peraturan Persatuan — rujuk kes *M Arulandan v Malaysian Co-Operative Insurance Society Ltd* [1987] 1 MLJ 485 dan kes *Thanaraj a/l Manikam & Ors v Lower Perak Tamil Co-Operative Society* [1997] 4 MLJ 82. F G

[14] Perkara 25.9, Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia tidak membenarkan mana-mana ahli atau pasukan, pegawai atau pemain daripada membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau mengambil tindakan undang-undang di mana-mana mahkamah terhadap FAM. H

[15] Manakala artikel 68, Statut Persatuan Bolasepak Malaysia jelas merupakan satu peruntukan nyata dalam prinsip undang-undang biasa bahawa antaranya pemain-pemain bolasepak mesti menggunakan remedi-remedi yang disediakan di bawah Statut Persatuan Bolasepak Malaysia atau peraturan Persatuan sebelum mengambil tindakan ke atas Persatuan. I

[16] Peruntukan artikel 68 ini tidak menghalang antaranya pemain-pemain Persatuan daripada mengambil tindakan mahkamah ke atas defendan-defendan kecuali plaintif telahpun menggunakan semua remedi-remedi yang ditetapkan oleh Statut Persatuan Bolasepak Malaysia (Statut Persatuan) dan Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia ('Kod Tatatertib').

[17] Antara remedi-remedi yang diperuntukan di dalam Kod Tatatertib adalah rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan FAM seperti diperuntukkan dalam perkara 96, Kod Tatatertib.

[18] Manakala perkara 104, Kod Tatatertib memperuntukkan bahawa keputusan dari Jawatankuasa Rayuan FAM, Perayu boleh membuat Permohonan kepada pihak timbang tara dan rayuan untuk diputuskan mengikut Akta Timbang tara 1952.

[19] Artikel 68, Statut Persatuan tidak menghalang antaranya seorang Pemain (dalam tindakan ini adalah plaintif) untuk membawa tindakan terhadap Jawatankuasa ke mahkamah. Akan tetapi sebelum membawa tindakan ke mahkamah, plaintif perlu merujuk pertikaian beliau dengan Jawatankuasa Rayuan FAM atau pihak timbang tara, beliau perlu terlebih dahulu ke forum domestik Persatuan.

[20] Klausa sebegini adalah sah dan tidak bertentangan dengan undang-undang atau polisi awam.

[21] Dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Datuk Pasamanickam & Anor v Agnes Joseph R Narayanan Samy v Agnes Joseph* [1980] 2 MLJ 92, Raja Azlan Shah CJ menyatakan:

> ... in the present case, article 15(4) provides as a first step that reference to the Central Working Committee is a condition precedent before resorting to court proceedings. The effect of this is that a member is not excluded from going to court but must first refer the matter to the domestic forum. It has been held in *Scott v Avery* , that such a clause is legitimate and not contrary to public policy.

[22] Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa samada peraturan yang mengecualikan ahli daripada mengambil tindakan mahkamah sebelum merujuk pertikaiannya ke forum domestik adalah satu peraturan yang sah dan tidak bertentangan dengan polisi awam.

[23] Adalah merupakan kelaziman bahawa mahkamah tidak akan campur tangan dalam urusan dalaman Persatuan. Dalam kes *Charan Das a/l Sandhu Ram v YM Tunku Abdul Aziz & Ors* [2006] 3 MLJ 416, mahkamah telah

menyatakan keengganan mahkamah untuk campur tangan di dalam urusan Kelab oleh kerana ahli-ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa harus membawa pertikaian mereka terlebih dahulu kepada forum domestik Kelab.

[24] Dengan peruntukan artikel 68, Akta Statut dengan plaintif telah bersetuju untuk terikat dengan syarat-syarat serta terma-terma di dalam Statut Persatuan dan Kod Tatatertib maka saya dapati plaintif perlu menggunakan segala remedi yang diperuntukkan di dalam Statut Persatuan atau Kod Tatatertib sebelum membawa pertikaian beliau ke mahkamah.

[25] Dari keterangan yang dikemukakan, saya dapati plaintif belum lagi menggunakan segala remedi yang diperuntukkan kepada beliau bawah Statut Persatuan atau Kod Tatatertib.

[26] Oleh yang demikian, saya menjawab soalan 1(a) di dalam Permohonan defendan-defendan ini dalam bentuk 'negatif' dan dengan itu tuntutan plaintif ditolak oleh mahkamah dengan kos sebanyak RM6,000 kepada defendan-defendan.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum